**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**
**(KUSKOP)**

# SISTEM MALAYSIA FRANCHISE EXPRESS (MYFEX) 2.0

# MANUAL PENGGUNA

# MODUL KEBENARAN MENJUAL FRANCAIS KEPADA BUKAN WARGANEGARA DI BAWAH SEKSYEN 53

Hakcipta terpelihara Kerajaan Malaysia

## KETERANGAN DOKUMEN

Dokumen ini merupakan **Manual Pengguna Kebenaran Menjual Francais Kepada Bukan Warganegara Di Bawah Seksyen 53** bagi Sistem Malaysia Francais Express (MyFEX) 2.0 Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP). Manual pengguna ini menerangkan cara-cara untuk membuat Kebenaran Menjual Francais Kepada Bukan Warganegara Di Bawah Seksyen 53 berkenaan perniagaan francais, atau sebarang masalah berkaitan francais sahaja.

# VERSI PINDAAN

| Versi | Tarikh | Ringkasan Perubahan |
|---|---|---|
| 0.1 | 10/07/2025 | Dokumen dicipta. |
| 1.0 | 15/07/2025 | Kemaskini pada bahagian :<br>1. Maklum balas kuiri Kebenaran Menjual Francais Kepada Bukan Warganegara Di Bawah Seksyen 53 |

# ISI KANDUNGAN

KETERANGAN DOKUMEN .......... I

VERSI PINDAAN .......... II

ISI KANDUNGAN .......... III

1. PENGENALAN .......... 1

1.1 Objektif .......... 1

1.2 Skop .......... 1

1.3 Pengenalan kepada Sistem MyFEX .......... 1

2. LOG MASUK .......... 2

2.1. Log Masuk Sistem .......... 2

3. MEMBUAT PERMOHONAN KEBENARAN MENJUAL FRANCAIS KEPADA BUKAN WARGANEGARA DI BAWAH SEKSYEN 53 .......... 4

4. MAKLUM BALAS KUIRI PERMOHONAN KEBENARAN DI BAWAH SEKSYEN 53 .......... 11

5. PERMOHONAN KEBENARAN DI BAWAH SEKSYEN 53 YANG DITERIMA ATAU LULUS .......... 13

6. PERMOHONAN KEBENARAN DI BAWAH SEKSYEN 53 YANG DITOLAK .......... 14

# 1. Pengenalan

## 1.1 Objektif

Objektif utama manual pengguna ini dibangunkan adalah untuk dijadikan sebagai rujukan dan garis panduan bagi pengguna untuk menggunakan laman sesawang ***MyFEX*** bagi aktiviti berkaitan pendaftaran perniagaan francais.

Setiap proses pendaftaran francaisor dalam sesawang ***MyFEX*** akan dijelaskan secara terperinci di dalam manual pengguna ini bagi membantu pengguna memahami langkah-langkah yang diperlu dilakukan.

Dokumen manual pengguna ini juga akan digunakan sebagai rujukan semasa aktiviti latihan pengguna dijalankan.

## 1.2 Skop

Skop manual pengguna ini merangkumi fungsi-fungsi modul dalam MyFEX yang melibatkan pendaftaran pihak francaisor yang diguna pakai oleh pihak syarikat industri perniagaan francais.

Fungsi-fungsi yang terkandung dalam manual pengguna ini melibatkan fungsi bisnes seperti berikut:

a. Daftar Akaun Pengguna
b. Membuat Kebenaran Menjual Francais Kepada Bukan Warganegara Di Bawah Seksyen 53 Baharu
c. Maklum balas Kuiri Kebenaran Menjual Francais Kepada Bukan Warganegara Di Bawah Seksyen 53
d. Permohonan yang Diterima atau Lulus
e. Permohonan yang Ditolak

## 1.3 Pengenalan kepada Sistem MyFEX

Portal MyFEX mengandungi urusan pendaftaran perniagaan bagi pihak francaisor dan francaisi, pendaftaran konsultan dan juga pendaftaran broker. Ia merupakan laman sesawang untuk memudahkan proses memulakan perniagaan francais di Malaysia. Pengguna utama kepada sistem Portal MyFEX 2.0 ini adalah komuniti industri perniagaan francais dan agensi Kerajaan seperti berikut:

a) **Komuniti industri perniagaan francais** iaitu pihak syarikat francaisor termasuk individu/syarikat pihak konsultan dan juga pihak broker yang terlibat berkaitan dengan pendaftaran perniagaan francais; dan.

b) **Agensi Kerajaan** pula dapat memberi informasi berkenaan prosedur perniagaan dan memantau perkembangan aktiviti perniagaan yang berdaftar dengan pihak Kerajaan.

Setiap pengguna samada komuniti perniagaan dan agensi Kerajaan perlu mendaftar sebagai pengguna yang sah bagi berinteraksi dengan perkhidmatan dalam talian yang ditawarkan di portal sistem MyFEX.

## 2. Log Masuk

### 2.1. Log Masuk Sistem

Pengguna sistem seperti pengguna industri francais iaitu pihak syarikat francaisor boleh membuat Kebenaran Menjual Francais Kepada Bukan Warganegara Di Bawah Seksyen 53 melalui sistem.

1. Klik pada **LOG MASUK** seperti pada Rajah 2.3.
2. Pemilik akaun masukkan maklumat seperti Rajah 2.4 pada ruangan E-MEL dan KATA LALUAN dan klik **Log Masuk**.




Rajah 2.1 : Paparan antaramuka laman utama sistem MyFEX




Rajah 2.2: Paparan antaramuka Log Masuk sistem

3. Setelah berjaya log masuk, laman utama bagi akaun pengguna dari komuniti industri francais dipaparkan rujuk rajah 2.6.




Rajah 2.3 : Paparan antaramuka laman utama pengguna industri francais

## 3. Membuat Permohonan Kebenaran Menjual Francais Kepada Bukan Warganegara Di Bawah Seksyen 53

Pemohon yang boleh mengemukakan permohonan **Kebenaran Menjual Francais kepada Bukan Warganegara** di bawah Seksyen 53 adalah daripada kategori industri francais, iaitu pihak francaisor. Kebenaran ini perlu dipohon sekiranya francaisor berhasrat menjual francais kepada pihak bukan warganegara, sebagaimana yang telah diperuntukkan di bawah Akta Francais.

1. Pada laman utama klik menu Pengguna Awam > **Kebenaran Menjual Francais Kepada Bukan Warganegara (Seksyen 53)** seperti berikut




2. Laman senarai permohonan kebenaran menjual francais kepada bukan warganegara (Seksyen 53) dipaparkan. Klik butang **Permohonan Baru**.




3. Laman permohonan kebenaran menjual francais kepada bukan warganegara (Seksyen 53) dipaparkan. Isikan No Pendaftaran Entiti Perniagaan pada maklumat pemohon. Sekiranya maklumat berkenaan wujud dalam sistem, maklumat selebihnya akan dijana secara automatik. Klik **Seterusnya.**




4. Isikan maklumat Butiran Permohonan, pada ruangan Kategori Francaisi pemohon boleh pilih samaada Dalam Malaysia atau Luar Malaysia. Setiap kategori francaisi ini memiliki paparan ruangan maklumat yang berbeza seperti berikut dan klik **Seterusnya** untuk meneruskan permohonan.

a. Kategori Francaisi Dalam Malaysia




b. Kategori Francaisi Luar Malaysia




5. Pemohon wajib mengisi ruangan Alamat Perniagaan Francais (Outlet) dengan klik butang **Tambah Alamat.**

6. Isikan maklumat pada ruangan tambah maklumat outlet dan klik **Simpan**.




7. Paparan menunjukkan maklumat berjaya disimpan. Pemohon boleh klik pada butang di tindakan untuk melihat, kemaskini atau memadam maklumat outlet tersebut.




8. Pada bahagian Lampiran, pemohon muat naik dokumen dan lampiran yang berkaitan. Klik **Seterusnya**.




9. Pemohon membuat pengisytiharan dan klik **Hantar Permohonan**.



10. Klik **OK menunjukkan permohonan telah berjaya dihantar dan pemohon perlu teruskan dengan pembayaran.**




11. Tandakan pilihan pada pembayaran yang ingin dibuat dan lengkapkan maklumat pembayaran. Seterusnya, klik butang **Bayar**.




12. Maklumat pembayaran dipaparkan setelah pembayaran berjaya dibuat. Permohonan telah berjaya dihantar untuk semakan pegawai.

13. Pemohon akan mendapat e-mel berkaitan permohonan telah berjaya dihantar.


MAKLUMAT PEMBAYARAN

Laman Utama / Pembayaran

| | |
|---|---|
| Status Transaksi : | Berjaya |
| Nombor Transaksi : | 20250806031905gtv7yBPd |
| Tarikh : | 06/08/2025 |
| Jumlah Bayaran (RM) : | 50.00 |

Cetak Resit

| | | | |
|---|---|---|---|
| Nama Pembayar | | No. Resit | BPF/2025/002720 |
| MyCOID / Kad Pengenalan | | Kaedah Bayaran | Fpx |
| Nama Syarikat | | No. Rujukan | 20250806031905gtv7yBPd |
| Alamat Syarikat | | Tarikh / Masa Bayaran | 06/08/2025 |

| No. | Keterangan Bayaran | Kod | Amaun (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | Fi Proses Bagi Permohonan Kebenaran Dibawah Seksyen 53 (MFE/53/00040/2025) | H0171428 | 50.00 |

## 4. Maklum Balas Kuiri Permohonan Kebenaran Di Bawah Seksyen 53

Sistem menyediakan fungsi Kuiri Permohonan Kebenaran Menjual Francais Kepada Bukan Warganegara (Seksyen 53) yang membolehkan pemohon memberikan maklum balas terhadap kuiri yang dikemukakan.

1. Pemohon akan menerima e-mel berkaitan kuiri permohonan Kebenaran Seksyen 53.
2. Pemohon klik menu Pengguna Awam > **Kebenaran Menjual Francais Kepada Bukan Warganegara Nama (Seksyen 53)** seperti berikut.




3. Laman Senarai Permohonan Kebenaran Menjual Francais Kepada Bukan Warganegara (Seksyen 53) dipaparkan. Lihat pada permohonan di ruangan status yang tertera sebagai **kuiri.**


SENARAI PERMOHONAN KEBENARAN MENJUAL FRANCAIS KEPADA BUKAN WARGANEGARA (SEKSYEN 53)

Laman Utama / Permohonan Seksyen 53

Permohonan Baru

Permohonan Kebenaran Menjual Francais Kepada Bukan Warganegara (Seksyen 53)

Tunjuk 10 kemasukan

Carian :

| Bil. | No. Rujukan Permohonan | Nama Pemohon | Nama Syarikat Francaisi | Jenama | Tarikh Mohon | Status | Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | MFE/53/00040/2025 | | | | 06/08/2025 03:15 PM | Kuiri | |

4. Pemohon boleh klik untuk melihat kuiri yang dihantar.




5. Klik butang **Kemaskini** untuk membuat kemaskini kuiri. Atau pemohon boleh terus klik pada tindakan di halaman senarai permohonan kebenaran.
6. Pemohon kemaskini maklumat permohonan berdasarkan kuiri yang diterima. Klik **Seterusnya** untuk ke seksyen seterusnya.




7. Setelah selesai membuat kemaskini kuiri seperti maklumat atau muat naik dokumen. Pemohon membuat Pengisytiharan serta klik **Hantar Permohonan**.




8. Paparan *pop up* menunjukkan permohonan telah berjaya dikemaskini untuk meneruskan semakan pegawai. Kemudian, pemohon klik **OK.** Halaman akan kembali pada Maklumat Permohonan.




9. Di halaman Laman Utama, status permohonan akan dikemas kini kepada "Maklum Balas Kuiri" selepas pemohon mengemaskini permohonan yang dikuiri.

## 5. Permohonan Kebenaran Di Bawah Seksyen 53 yang Diterima atau Lulus

Pemohon boleh menyemak status terkini permohonan kebenaran seksyen 53, termasuk status permohonan ‘Diterima’ serta melihat semula maklumat Laporan Tahunan Perniagaan Francais yang telah diterima tersebut.

1. Pemohon akan menerima e-mel berkaitan notifikasi permohonan telah dilulus.

2. Pemohon klik **Pengguna Awam** > **Kebenaran Menjual Francais Kepada Bukan Warganegara** kemudian laman Senarai Permohonan Kebenaran Menjual Francais Kepada Bukan Warganegara (Seksyen 53) dipaparkan, klik di Tindakan untuk melihat maklumat permohonan yang telah lulus.




## 6. Permohonan Kebenaran Di Bawah Seksyen 53 yang Ditolak

Pemohon boleh menyemak status terkini permohonan kebenaran seksyen 53, termasuk status permohonan 'Ditolak' serta melihat semula maklumat permohonan yang ditolak tersebut.

1. Pemohon akan menerima e-mel berkaitan notifikasi permohonan telah ditolak.
2. Pemohon klik **Pengguna Awam** > **Kebenaran Menjual Francais Kepada Bukan Warganegara** kemudian laman Senarai Permohonan Kebenaran Menjual Francais Kepada Bukan Warganegara (Seksyen 53) dipaparkan, klik di Tindakan untuk melihat maklumat permohonan yang telah lulus.

